

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS  
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL  
BERSEMPENA DENGAN MAJLIS PERASMIAN  
KONGRES MELAYU PERLIS TAHUN 2019  
BERTEMPAT DI DEWAN KECEMERLANGAN, UNIVERSITI  
MALAYSIA PERLIS (UniMAP), PAUH PUTRA, PERLIS  
PADA 27 JANUARI 2019, JAM 11.15 PAGI**

---

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

“*Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju*”

serta “*Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP*”.

Alhamdulillah, Saya bersyukur kehadrat Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapatlah kita bersama-sama pada pagi yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Pertama sekali, Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Persatuan Kecemerlangan dan Pembangunan Perlis, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), seluruh Jawatankuasa Pelaksana serta semua pihak yang turut sama terlibat.

Seterusnya, Saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat, dif-dif kehormat serta semua yang sudi melapangkan masa.

Hadirin sekalian,

Konvensyen ini mengangkat beberapa istilah penting, yakni “Perkongsian Kekayaan” negeri dan negara, “Kebajikan” dan “Kesejahteraan” bangsa dan rakyat. Istilah-istilah ini sering kita dengari dan dalam usaha memastikan

rakyat, negeri dan negara terus berkembang maju dan makmur, maka ia perlu ditanam dalam minda sehingga berjaya mencapainya dalam erti kata sebenar. Namun demikian, Saya berpandangan istilah-istilah ini wajar difahami dengan takrifan dan makna yang betul dan sesuai dengan akar agama yang kita pegang.

Kita juga perlu sedar latar demografi rakyat daripada pelbagai bangsa, kepercayaan dan budaya. Justeru, kita perlu faham dan menghayati bahawakekayaan negeri dan negara, kebajikan dan kesejahteraan perlu dinikmati oleh semua. Ringkasnya, dalam usaha mengurus negeri dan negara ini kita perlu ada semangat mengutamakan nilai inklusiviti dan pada masa yang sama budaya eksklusiviti sewajarnya dipadam secara berhemah mengikut keutamaan kecuali keperluannya tidak dapat dielakkan.

Saya yakin kemakmuran dan kesejahteraan dapat dicapai jika kita ikhlas berfikir, berbincang dan membuat keputusan berasaskan pemikiran yang suci dan kaedah bertindak yang holistik. Usaha ini tentunya didorong oleh rasa tanggungjawab untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat khususnya golongan yang masih terpinggir dalam aspek kehidupan. Kini sudah tiba masanya kita tidak lagi berpegang kepada konsep "*Rezeki Jika Sudah Secupak Tidak Akan Menjadi Segantang*". Allah Subhanhu Wa Ta'ala memerintahkan kita supaya berusaha bersungguh-sungguh berasaskan ilmu, kemahiran dan strategi yang betul secara individual dan kolektif berteraskan semangat kekeluargaan serta rasa kasih sayang kerana Allah. Masyarakat perlu progresif, berdikari dan mengurus kehidupan mereka dan keluarga mengikut syarak. Hayatilah bahawa Allah tidak suka golongan yang meminta-minta tetapi berusaha.

Namun, bagi yang telah berusaha tetapi tidak berjaya, maka menjadi tanggungjawab pemimpin, Kerajaan dan agensi-agensi berkaitan untuk terus membantu dan menyokong mereka sehingga berjaya. Bagi yang berjaya,

maka menjadi tanggungjawab membantu, mendorong dan menyokong orang lain pula untuk turut berjaya seperti mereka.

Hadirin sekalian,

Di negeri Perlis ini Saya yakin terdapat banyak peluang ekonomi yang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya.

### **Pertama**

Kedudukannya yang strategik dalam wilayah segi tiga emas Malaysia, Thailand dan Sumatera belum diteroka sepenuhnya. Dalam konteks ini, agenda menghasilkan dan memasarkan produk tertentu bagi ketiga-tiga pihak yang terlibat wajar dimanfaatkan secara berimbang dan strategik.

### **Kedua**

Semua pihak wajar meneroka peluang yang ditawarkan di lokasi-lokasi menarik dan berpotensi di negeri ini untuk menarik minat pelancong domestik dan antarabangsa dalam aktiviti yang diminati.

Selain itu, kawasan pembangunan Lembah Chuping yang memerlukan perhatian segera, termasuk juga cadangan Pelabuhan Darat dan kawasan *Custom, Immigration and Quarantine* (CIQ) wajar dimanipulasi sepenuhnya supaya rakyat dapat manfaat daripada pembangunan tersebut, serta

### **Ketiga**

Usaha untuk menjadikan Perlis sebagai pusat pendidikan setempat dan antarabangsa wajar diberi perhatian yang lebih serius. Selain itu, kita wajar meneroka idea penyediaan Sekolah Antarabangsa ataupun '*Private School*' untuk memenuhi permintaan sedia ada dan pasaran baharu yang besar potensinya.

Pada masa yang sama, Saya berharap masalah dan nasib para petani, pekebun kecil, peladang, nelayan, pemandu teksi, peniaga kecil dan usahawan muda baharu hendaklah sama-sama diberi perhatian serius. Saya

juga berharap taraf kehidupan mereka yang menjadi sebahagian daripada *Ummah* negeri Perlis dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih mensejahterakan semua pihak, InsyaAllah.

Sebagai Yang DiPertua, MAIPs amat mengalu-alukan segala sumbang saran yang membina dari semua pihak di luar sana untuk menjayakan segala yang dihasratkan.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, semoga banyak resolusi yang praktis dapat dihasilkan daripada konvensyen ini. Walaupun konvensyen sehari ini tidak sempat mengenengahkan segala permasalahan yang dihadapi, namun Saya harap sesi sumbang saran seumpama ini dapat dianjurkan secara berkala dan idea-idea yang lahir dapat dimanfaatkan oleh semua demi kebijikan, kesejahteraan dan perkongsian kekayaan yang lebih saksama, InsyaAllah.

Wabillahitaufik Walhidayah Wasalammualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.